

17/11/1997

Kaedah baru kenaikan pangkat

Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Pendidikan akan mengumumkan kaedah-kaedah kenaikan pangkat berasaskan tempoh lama berkhidmat bagi guru-guru yang sudah mencapai tahap gaji maksimum, minggu depan.

Menterinya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kaedah berkenaan yang akan dilaksanakan tahun depan diwujudkan bertujuan memelihara kebajikan profesion perguruan negara.

Sebelum pelaksanaan skim ini, guru yang mencapai tahap gaji maksimum, tidak berpeluang menikmati kenaikan gaji kecuali dinaikkan pangkat.

Bagaimanapun, menerusi skim ini mereka yang berada di tangga gaji gred D6 akan dinaikkan ke tangga gaji D5 dan gred D3 ke D2.

"Pelaksanaan skim ini disertakan dengan skim rumah guru yang masih dalam pertimbangan kerajaan, menunjukkan kerajaan sentiasa menjaga kebajikan guru di negara ini," katanya pada majlis silaturahmi anjuran Umno bahagian Ampang Jaya di sini hari ini.

Beliau juga berkata, hanya sembilan pengetua sekolah di negara ini dinaikkan pangkat yang tinggi kerana menunjukkan prestasi kerja sangat cemerlang dalam mentadbir sekolah dan mendidik anak bangsa.

Menurut beliau, pengetua terbabit dinaikkan pangkat daripada DG2 kepada DGI dan taraf mereka sama dengan Pengarah Pendidikan Negeri.

"Langkah ini dan banyak lagi, dilakukan dalam membaiki taraf guru sebagai membalas jasa mereka kepada negara," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Ahmad Razali Mohamad Ali dan Ketua Umno bahagian Ampang Jaya, Datuk Mufti Shuib serta ahli Umno bahagian itu.

Mengulas mengenai resolusi yang dikemukakan oleh 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan atau memohon maaf terhadap kenyataannya yang dianggap anti-Yahudi, Najib berkata, tindakan itu adalah tidak berasas dan mencerminkan sikap biadap Amerika terhadap negara ini.

"Rakyat negara ini akan sentiasa berdiri teguh di belakang kepemimpinan Dr Mahathir dan tindakan yang dilakukan oleh mereka adalah silap kerana kedudukan Perdana Menteri di negara ini akan lebih kukuh menerusi sokongan seluruh rakyat," katanya.

(END)